

JPN PERAK

2020

Modul#learning@home

SEJARAH-K1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Del / ver



TINGKATAN

4



BAB 8 : PILIHAN RAYA

8.1 : Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

1. Gambar berikut menunjukkan pilihan raya yang berlangsung di negara kita.



Apakah tujuan pilihan raya tersebut diadakan? **ms 196**

- A Membentuk kerajaan
 - B Melantik pemimpin parti politik
 - C Menentukan ahli Dewan Negara
 - D Memilih Yang di-Pertuan Agong
2. Perkara berikut berkaitan dengan pilihan raya Negara kita kecuali ? ms 194
- A Memilih wakil rakyat
 - B Membentuk kerajaan
 - C Senat
 - D Amalan demokrasi
3. Pilihan raya berikut pernah berlaku di Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka, kecuali ? ms196-198
- A Pilihan raya majlis perbandaran
 - B Pilihan raya kampung
 - C Pilihan raya negeri
 - D Pilihan raya majlis perundangan persekutuan

4. Pilihan raya peringkat majlis perbandaran telah berlaku di bandar berikut sebelum 1955 kecuali ? ms197

- A George Town
- B Melaka
- C Taiping
- D Kuala Lumpur

5.

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi
IMP	2
Parti Buruh Selangor	-
Persatuan penyewa-penyewa rumah	-
Bebas	1
Perikatan (UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor)	9

Sumber: www.arkib.gov.my

Jadual di atas menunjukkan Perikatan UMNO dan MCA telah menang dalam pilihan raya majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Mengapakah perikatan ini Berjaya ? ms 197

- I Sifat bekerjasama
 - II Masyarakat bertoleransi
 - III Parti berkuasa
 - IV Pemimpin terkenal
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Maklumat berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 kerusi

Apakah yang dapat dibuktikan daripada keputusan tersebut? **ms 197**

- A Kejayaan kerjasama pelbagai kaum
 - B Kesetiaan rakyat kepada raja
 - C Kebebasan bersuara diiktiraf
 - D Keperluan rakyat dipenuhi
7. Maklumat berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 kerusi

Mengapakah Perikatan berjaya dalam pilihan raya tersebut ? **ms 197**

- I Sifat bekerjasama
 - II Pemimpin terkenal
 - III Parti berkuasa
 - IV Masyarakat bertoleransi
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8 Pilihan raya yang dijalankan di negara kita telah menyedarkan rakyat dengan amalan ? ms 197

- A Birokrasi
- B Tirani
- C Demokrasi
- D Aristokrasi

9

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955
--

Mengapakah pilihan raya di atas diadakan ? Ms 198

- I Ke arah kemerdekaan
 - II Membenters pengaruh komunis
 - III Memajukan ekonomi
 - IV Ke arah berkerajaan sendiri
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



Sumber :Berita Harian.com

Tanpa disangka, muncul seorang wanita dikenali sebagai Siti Rahimah Kassim berumur 23 tahun mendekati Tunku lalu menghulurkan gelang emas yang dipakainya. Dia mahu menolong Tunku membiayai tambang ke London. Apakah nilai yang dapat dipelajari dari tokoh di atas ? ms 199

- A Amanah
 - B Bertanggungjawab
 - C Keikhlasan
 - D Keadilan
11. Perkara berikut merupakan syarat menjadi pengundi dalam pilihan raya, kecuali . ?
ms 200
- A Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
 - B Berumur 21 tahun ke atas
 - C individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan dari tarikh 17 Oktober 1954
 - D Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

12. Perkara berikut merupakan syarat menjadi calon dalam pilihan raya, kecuali . ? ms
200

- A Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- B Berumur 21 tahun
- C Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
- D Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

13.



Sumber www.youtube.com

Gambar di atas menunjukkan seorang penyanyi menyanyikan lagu mengajak rakyat di Persekutuan Tanah Melayu keluar mengundi. Apakah nilai yang ingin diterapkan kepada rakyat ?

- A Amanah
- B Keadilan
- C Kejujuran
- D Bertanggungjawab

14. Gambar menunjukkan pengundi sedang membuang undi.



Apakah nilai yang ditunjukkan daripada gambar di atas

- A Prihatin
- B Pemurah
- C Berhemah tinggi
- D Bertanggungjawab

- 15.



Gambar di atas menunjukkan situasi yang berlaku di salah satu tempat mengundi dalam Pilihan Raya MPP 1955

Apakah nilai yang ditunjukkan daripada gambar di atas

- A Prihatin
- B Pemurah
- C Berhemah tinggi
- D Bertanggungjawab

16.

Nama Parti	Bilangan Calon	Kerusi yang dimenangi	Undi yang diperoleh
Perikatan	52	51	818013
Parti Negara	30	0	78909
Parti Islam Se-Tanah Melayu	11	1	40667
Parti Kebangsaan Perak	9	0	20997
Parti Progresif Perak	2	0	1081
Parti Buruh	4	0	4786
Calon bebas	18	0	31642

(sumber : K.J. Ratnam, 1969. Universiti Malaya Press)

Keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Berdasarkan jadual di atas, Mengapakah Perikatan beroleh kejayaan.? Ms 202

- A Rasa perkauman
- B Kerjasama Kaum
- C Tokoh terkenal
- D Parti kuat

17. Parti Perikatan telah membentuk kerajaan selepas memenangi Pilihan Raya Majlis

Perundangan Persekutuan 1955. Siapakah Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama ? ms 204

- A Tun Razak
- B Tun Hussien
- C Tunku Abdul Rahman
- D Tun Ismail

18. Senarai berikut merupakan komposisi ahli Majlis Perundangan Persekutuan kecuali. Ms 204

	Komposisi ahli MPP	Keanggotaan
A	52 orang	Ahli dipilih melalui pilihan raya
B	9 orang Residen	Residen British mewakili 9 buah negeri
C	11 orang	Menteri besar mewakili negeri
D	2 orang	Wakil negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka

- 19.

Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya pada sesi pembukaan MPP pada 31 Ogos 1955, menyifatkan peristiwa ini merupakan hari yang penting kepada Persekutuan Tanah Melayu

Perkara berikut telah berlaku selepas Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 kecuali. Ms 204-205

- A Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - B Sistem Ahli diteruskan
 - C Pesuruhjaya Tinggi British masih berkuasa
 - D Amalan demokrasi subur
- 20.



Halimaton Abd Majid ketika mengangkat sumpah sebagai ahli MPP. Beliau merupakan ahli wanita pertama MPP

Berdasar gambar di atas, apakah nilai yang digambarkan. Ms 205

- A Keadilan
- B Berhemah Tinggi
- C Kejujuran
- D Kasih sayang

21.



Dato Abdul Razak

Tokoh di atas terlibat dalam Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu. Apakah tugas beliau. Ms 206

- A Menteri Pelajaran
- B Menteri Pengangkutan
- C Menteri Buruh
- D Menteri Kesihatan

22.



V. T. Sambanthan

Tokoh di atas terlibat dalam Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu. Apakah tugas beliau. Ms 206

- A Menteri Pelajaran
- B Menteri Pengangkutan
- C Menteri Buruh
- D Menteri Kesihatan

23.



Leong Yew Koh

Tokoh di atas terlibat dalam Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu. Apakah tugas beliau. Ms 206

- A Menteri Pelajaran
- B Menteri Pengangkutan
- C Menteri Buruh
- D Menteri Kesihatan

24. Senarai berikut merupakan peranan kabinet Pertama di Persekutuan Tanah Melayu kecuali. Ms 206

A	Membincang soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam
B	Mengurangkan kuasa Pentadbiran British
C	Membatalkan terus kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British
D	Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan

25.

Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu memperlihatkan barisan pemimpin yang berwibawa. Mereka berusaha membangunkan negara

Apakah nilai yang paling tepat bagi menggambarkan sikap pemimpin di atas. Ms 207

- I Kerajinan
 - II Keadilan
 - III Amanah
 - IV Bekerjasama
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26.



Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955

Apakah nilai yang tepat bagi merumuskan gambar di atas. Ms 207

- A Amanah
- B Keadilan
- C Kasih sayang
- D Bekerjasama

27.



Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955

Gambar menunjukkan Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955

Mengapakah kabinet pertama ini penting kepada negara kita ? ms 207

- A Penyatuan parti politik
- B Menunjukkan kompromi antara kaum
- C Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- D Pertambahan Kuasa Pesuruhjaya Tinggi

SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	A	196
2	C	194
3	B	196-198
4	C	197
5	A	197
6	A	197
7	B	197
8	C	197
9	B	198
10	C	199
11	D	200
12	C	200
13	D	201
14	D	
15	D	202
16	B	204
17	C	204
18	B	204-205
19	B	205
20	A	206
21	A	206
22	C	206
23	D	206
24	C	206
25	D	207
26	D	207
27	B	207